PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	3 JULY 2017

Dr. Mahathir sebagai Pengerusi Pakatan Harapan

um - 3/7/2017 pg. 8

KUALA LUMPUR 2 Julai – Berbeza dengan pendirian beberapa kepemimpinan PKR yang lantang menolak cadangan melantik Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Pengerusi Pakatan Harapan, Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali pula memilih untuk berdolak dalih mengenai hal tersebut.

Mohamed Azmin berkata, pandangan semua pihak mengenai siapa yang layak untuk menjadi Pengerusi Pakatan Harapan akan diambil perhatian oleh kepemimpinan gabungan tersebut sebelum keputusan mengenainya dibuat.

"Kita raikan semua pandangan, yang penting apakah struktur kepemimpinan Pakatan Harapan ini akan menggamit perhatian rakyat.

"Bukan mengenai siapa yang menduduki kerusi berkenaan (Pengerusi Pakatan Harapan)," katanya ketika ditemui pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Peringkat Selangor di Padang Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) di sini hari ini.

MOHAMED AZMIN

Sebelum ini, Ketua Whip PKR, Datuk Johari Abdul membantah cadangan melantik Dr. Mahathir sebagai Pengerusi Pakatan Harapan kerana dibimbangi bekas Perdana Menteri itu akan menguasai gabungan berkenaan.

Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim pula mencadangkan agar sesiapa yang dilantik sebagai Pengerusi Pakatan Harapan bertindak selaku penyelaras tanpa peranan eksekutif.

Menurut Mohamed Azmin, Pakatan Harapan akan mengumumkan struktur kepemimpinan baharu gabungan tersebut dalam tempoh terdekat.

"Perbincangan sedang berjalan dan perkara ini boleh diselesaikan sebelum pilihan raya umum berlangsung," katanya.